



مجلس دایره سیک
MAJLIS DAERAH SIK
08200 SIK, KEDAH DARUL AMAN

Tel : 04-467 6000 Fax : 04-469 5448 Email : admin@mdsik.gov.my



(sebutkan no.rujukan surat kami ketika menjawab)

MDS/PA/SH1/2020(1)
10hb. J'akhir, 1441
04hb. Februari, 2020

Semua Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri / Persekutuan
Syarikat Swasta / Orang Perseorangan

Yang Berhormat Dato' / Tuan / Puan

**KENYATAAN SEBUTHARGA BAGI PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN MAJLIS
DAERAH SIK.**

Perkara di atas dengan hormatnya dirujuk.

2. Bersama-sama ini disertakan satu salinan kenyataan sebutharga tersebut (KEW.PA 24) yang menerangkan maksudnya untuk dipamerkan di papan kenyataan Jabatan Yang Berhormat Dato' / Tuan/ Puan.

3. Kerjasama dan perhatian Yang Berhormat Dato' / Tuan / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, dimaklumkan.

Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KEDAH AMAN MAKMUR - HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"

Saya yang menjalankan amanah,

(**AMIRAH KHAIRIAH BINTI ABDUL LATIP, AMK., BCK.)**

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Sik,
Kedah Darul Aman.

MAJU, DEDIKASI DAN SEJAHTERA

YANG DIPERTUA	- 04-467 6001	SETIAUSAHA	- 04-467 6002
BHGN SUMBER MANUSIA	- 04-467 6010	BHGN KHIDMAT PENGURUSAN	- 04-467 6090
BHGN UNDANG-UNDANG	- 04-467 6020	BHGN PENGURUSAN KORPORAT	- 04-467 6091
UNIT AUDIT DALAM	- 04-467 6121	BHGN PERANCANGAN & BANGUNAN	- 04-467 6100
BHGN TEKNOLOGI MAKLUMAT	- 04-467 6030	BHGN KEJUTERAAN	- 04-467 6110
UNIT OSC	- 04-467 6050	BHGN PENGUATKUASA	- 04-467 6120
BHGN PENILAIAN HARTA	- 04-467 6060	UNIT LANDSKAP & FASILITI	- 04-469 2306
BHGN KESIHATAN & PELESENAN	- 04-467 6070	SIK INN	- 04-469 4288
BHGN PERBENDAHARAAN	- 04-467 6080	HOTEL MELOR	- 04-469 2149

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

MAJLIS DAERAH SIK

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset (kenderaan) seperti berikut:

Bil	Keterangan Aset	Tahun	Kuantiti	Harga Simpanan RM	Deposit RM	Lokasi
1.	KENDERAAN - ISUZU UBS162 - NO. PENDAFTARAN KU669	1986	1	1,600.00	160.00	Garaj MD.Sik
2.	KENDERAAN – MITSUBISHI K74TJENHFM - NO. PENDAFTARAN KBM3927	2004	1	4,200.00	420.00	Garaj MD.Sik

2. Aset boleh dilihat pada **hari bekerja (Ahad hingga Khamis)** di antara jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari di lokasi yang disenaraikan.

3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA 25) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4 dengan bayaran sebanyak RM10.00 (Malaysia Ringgit: Sepuluh sahaja). Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 60 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebutharga MDS/PA/SH01/2020 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH SIK
08200 – SIK
KEDAH DARUL AMAN.**

5. Tarikh tutup sebutharga pada **18hb. Februari, 2020 jam 12.00 tengahari**. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

.....
(AMIRAH KHAIRIAH BINTI ABDUL LATIP, AMK., BCK.)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Sik,
Kedah Darul Aman.

Cap:



SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset Alih akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi **setiap aset**. Deposit Sebutharga hendaklah dalam bentuk **Wang Pos / Draf Bank / jaminan Bank** atas nama **Majlis Daerah Sik**.
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset alih adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is-basis).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset alih yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset alih seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat bayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Majlis Daerah Sik berhak untuk melupuskan aset alih tersebut.
9. Jualan kenderaan adalah berdasarkan prinsip “ mengikut keadaan asalnya” tanpa boleh menuntut sebarang kos pembaikan, penyelenggaraan dan kos penukaran hak milik dari pihak Majlis Daerah Sik.

**Yang Dipertua,
Majlis Daerah Sik,
Kedah Darul Aman.**